

Pilihan menu sidang OIC dibuat Perdana Menteri

UM 14 OCT 2003

PUTRAJAYA 13 Okt. — Pemilihan menu makanan bagi Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Datuk Yaakob Mohammad berkata, Dr. Mahathir begitu prihatin dan inginkan persidangan tersebut berjalan lancar dari segi semua aspek termasuk makanan.

“Beliau sendiri telah hadir dalam ujian makanan. Dr. Mahathir ingin semua delegasi termasuk pihak media mendapat makanan ‘yang baik dan secukupnya’ bagi OIC ini,” katanya kepada pemberita di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini hari ini.

Beliau berkata, Dr. Mahathir juga menekan-

kan agar semua bahan yang digunakan dalam masakan tersebut, tidak memudaratkan kesihatan.

“Bahan-bahan berkenaan perlu rendah dari segi kandungan kolestrol,” ujar beliau.

Jelas Yaakob, menu makanan tersebut lebih berasaskan makanan Mediterranean berdasarkan kesesuaian cita rasa delegasi yang hadir.

Beliau menambah, sebanyak 120,000 hidangan disediakan sepanjang persidangan itu berjalan.

“Hidangan ini lebih tinggi jumlahnya berbanding Persidangan Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) lalu,” katanya.

Jelas Yaakob, hidangan tersebut membabitkan 4,100 kilogram daging, ayam (5,200 kilogram), udang (4,400 kilogram) dan ikan (5,200).